

Dah boleh cuba baju di 'fitting room'

Kuala Lumpur: Orang ramai dibenarkan mencuba pakaian dan kasut baharu yang ingin dibeli di kedai, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, ia mengambil kira situasi semasa jangkitan Covid-19 dan tiada kes penularan wabak itu berlaku di pusat beli-be-

lah serta premis menjual pakaian setakat hari ini.

Katanya, sebelum ini kerajaan membenarkan premis itu beroperasi semula namun orang ramai tidak dibenarkan mencuba pakaian atau kasut bagi mengelak penularan wabak.

"Hari ini mesyuarat khas berbincang dan mendengar permohonan Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta mendapat nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), maka kita setuju benarkan mencuba pakaian serta kasut di premis.

"Jadi boleh jika mahu mencuba baju baharu yang dibeli di *fitting room*, jadi tidak timbul isu beli baju

terbesar atau terkecil selepas ini," katanya dalam sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Ismail Sabri berkata, bagaimanapun beliau menggalakkan orang ramai yang ingin mencuba kasut menggunakan stokin dibawa sendiri bagi mengelak berlaku jangkitan Covid-19.

